



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
JUMAAT 1 NOVEMBER 2024

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	SARAWAK BAKAL TUBUH JABATAN PERIKANAN SENDIRI: DR RUNDI, UTUSAN BORNEO -ONLINE	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
2.	TANAM PADI HUMA HADAPI FENOMENA EL NINO, UTARA, HAKAH -H20	LAIN-LAIN
3.	DIJANGKA NAIK HARGA, BISNES, HM -22	
4.	STRENGTHENING FOOD SECURITY, DAULAT TUANKU, THE STAR -5	
5.	AGENDA KETERJAMINAN MAKANAN TERUS JADI KEUTAMAAN, SEMEPENA ULANG TAHUN KEPUTERAAN TAHUN 2024, SH -21	
6.	SADC PERKUKUHKAN USAHA KETERJAMINAN MAKANAN, SEMEPENA ULANG TAHUN KEPUTERAAN TAHUN 2024, BH -30	

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
1/11/2024	UTUSAN BORNEO	ONLINE	

Sarawak bakal tubuh Jabatan Perikanan sendiri: Dr Rundi



Dr Rundi (duduk tengah), Mawan (duduk tiga kiri), Dr Adrian (duduk tiga kanan) merakamkan gambar bersama warga Jabatan Perkhidmatan Veterinar Sarawak. - Gambar Roystein Emmor

KUCHING: Sarawak bakal menubuhkan Jabatan Perikanan sendiri bagi mengawal selia dengan lebih teratur sumber yang boleh mendatangkan pendapatan kepada negeri ini.

Menteri Industri Makanan, Komoditi dan Pembangunan Wilayah Dato Sri Dr Stephen Rundi Utom berkata, bagi tujuan itu, draf pindaan Ordinan Perikanan Sarawak 2003 telah dirangka dan kini di peringkat akhir.

"Ini penting kerana kita harus mengawal selia sumber kita kerana pantai kita panjang 1,000 kilometer (km) dan sudah tentu mempunyai banyak sumber yang boleh mendatangkan pendapatan kepada Sarawak yang selama ini tidak diguna pakai.

"Jadi dengan adanya Jabatan Perikanan sendiri, kita boleh mengawal selia dengan lebih teratur sumber kita dan mempunyai kuasa.

"Saya berharap dalam setahun dua ini kita dapat menubuhkan jabatan tersebut," katanya kepada pemberita semasa ditemui di Hotel Sheraton di sini, hari ini.

Terdahulu, Dr Rundi hadir menyampaikan amanat sempena sambutan Majlis Hari Integriti Jabatan Perkhidmatan Veterinar Sarawak Tahun 2024 di hotel tersebut.

Hadir sama, Penasihat di Pejabat Premier Sarawak (Industri Makanan, Komoditi dan Pembangunan Wilayah Sarawak) Tan Sri William Mawan Ikom dan Pengarah Jabatan Perkhidmatan Veterinar Sarawak Datu Dr Adrian Susin Ambud.

Ujar Dr Rundi lagi, penubuhan Jabatan Perikanan sendiri penting untuk menjamin masa depan nelayan di negeri ini.

"Kalau kita lihat di Sabah sudah ada (Jabatan Perikanan) tetapi tidak di Sarawak dan kita terpaksa bergantung kepada Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) dan sebagainya.

"Jadi masa depan nelayan kita tidak terjamin kalau tidak dikawal dengan betul kerana kita ada perikanan laut dalam dan sebagainya.

"Kadang-kadang bot yang besar juga boleh pergi ke tempat yang cetek dan ini akan menjejaskan pendapatan nelayan bot kecil," katanya.

Sebab itu kata Dr Rundi, pihaknya mahu menggunakan pendekatan baharu sama seperti menubuhkan Jabatan Perkhidmatan Veterinar Sarawak yang dahulunya di bawah Jabatan Pertanian Sarawak.

"Sarawak telah membangun dan kita terpaksa memfokuskan setiap industri.

"Sebab itu saya menukar nama kementerian ini Industri Makanan kerana kalau tidak ada industri kita tidak boleh menjayakan pertanian kita terutama yang tinggal di luar bandar," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
1/11/2024	HARAKAH	UTARA	H20

Tanam padi huma hadapi fenomena El Nino

ALOR SETAR: Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK) mencadangkan kawasan sawah terbiar di negeri ini diusahakan dengan tanaman padi huma sebagai persediaan menghadapi cuaca panas berpanjangan akibat fenomena El Nino.

Ketua Pegawai Eksekutif LZNK, Datuk Zakaria Othman berkata, padi huma atau padi darat menjadi pilihan terbaik untuk menampung keperluan beras jika berlaku krisis makanan.

Menurutnya, padi huma juga lebih mudah dijaga dan tidak memerlukan air yang banyak seperti tanaman padi biasa.

Pada Mac lalu, media melaporkan negara perlu bersedia bagi berdepan kemungkinan hasil pertanian tempatan berkurangan pada 2025 akibat fenomena El Nino.

Beliau berkata, LZNK telah menanam padi huma secara percubaan di kawasan seluas dua hektar di Sik dan sedang menanam empat hektar lagi di Bendang Man.

“Insya-Allah dalam cuaca menda-

tang yang dijangka kering, orang ramai boleh memilih padi darat kerana ia boleh ditanam walaupun di luar tapak sawah. Ia lebih senang diurus,” katanya ketika ditemui selepas proses tuai pertama padi huma di Seri Mentaloon di sini.

Turut hadir Presiden PAS, Tan Sri Tuan Guru Abdul Hadi Awang dan Menteri Besar, Datuk Seri Muhammad Sanusi Md Nor.

Zakaria menyarankan rakyat negeri ini supaya menanam padi huma di sekeliling rumah seperti diusahakan di halaman rumah Menteri Besar Kedah.

Katanya, padi jenis Barito yang ditanam di halaman rumah Menteri Besar mengambil masa empat bulan untuk dituai selepas dimulakan pada 28 Jun lalu.

“Padi huma berpotensi ditanam oleh semua orang kerana mudah diurus, maknanya siapa yang ada tanah kosong boleh tanam. Tempoh tuai padi huma antara tiga hingga enam bulan mengikut varieti dan sekilo-



Presiden PAS (dua dari kiri) bersama Menteri Besar Kedah (tiga dari kiri) menyaksikan penuaian padi huma.

gram benih padi boleh menghasilkan 80 kilogram (kg) padi.

“Datipada setiap kg padi akan dapat menghasilkan 60 peratus beras dan dijual dengan harga RM26 sekilogram, rasanya sedap dan ada varieti yang

mengeluarkan aroma wangi,” katanya.

Pada Mac lalu, media melaporkan negara perlu bersedia bagi berdepan kemungkinan hasil pertanian tempatan berkurangan pada 2025 akibat fenomena El Nino.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
1/11/2024	HARIAN METRO	BISNES	22



Dijangka naik harga

ORANG ramai membeli barangan keperluan asas ketika tinjauan di Pasar Chow Kit di ibu kota, semalam. Harga sayur-sayuran dijangka meningkat tiga kali ganda pada November dan Disember depan susulan fasa Monsun Timur Laut (MTL) yang berpotensi mengakibatkan hujan lebat dan banjir di beberapa kawasan seluruh negara.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
1/11/2024	THE STAR	DAULAT TUANKU	5



SEMPENA ULANG TAHUN KEPUTERAAN TAHUN 2024

Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan
Sultan Nazrin Muizzuddin Shah
Ibn

Almarhum Sultan Azlan Muhiyiddin Shah Al-Maghfir-Lah



Strengthening food security

Initiatives boost halal food industry, agriculture and urban farming

THE Perak State Agriculture Development Corporation (Perak SADC) is committed to taking proactive steps to strengthen the food security of the state and to ensure sufficient food for the people.

This is in line with the decree by the Sultan of Perak Sultan Nazrin Muizzuddin Shah to ensure the people do not go to bed hungry and also to ensure families have access to safe and healthy food.

Thus, under the leadership of its chief executive officer Datuk Yahanis Yahya, Perak SADC has started several initiatives and high impact projects, including the Perak Halal Industrial Park (HIP).

Perak HIP was designed to have a complete halal ecosystem, which covers the food chain from top to bottom and to strengthen the halal food sector and to ensure food security for the long term.

The uniqueness and potential of Perak HIP is expected to attract both local and foreign investors to take part in this transformative project.

Among these foreign investments included getting into a partnership with Leher Gelatine Sdn Bhd, a globally-known manufacturer of halal gelatine.

The partnership was an important step to diversify and improve the quality of halal products produced in Perak,



Sultan Nazrin holding a bunch of tomatoes grown at the Agroto Collection, Processing and Packaging Centre at KM19 Jalan Simpang Pulai, Cameron Highlands.

while also creating new jobs for locals and also opening up the international market for high value products from Perak.

It also helped to increase the export of halal products to the

global market, especially to other Islamic countries while enhancing Perak's profile as an interesting investment destination in the halal industry.

Perak SADC has also heeded

Sultan Nazrin's call to double up efforts to improve food security through programmes and initiatives under its corporate social responsibility (CSR).

These included interest-free

loans for entrepreneurs since 2019.

About RM1mil in scholarships were offered to 48 youth from various universities as part of Perak SADC's CSR initiative to develop human capital and experts in the agricultural industry to strengthen the food security agenda.

The Perak SADC also took proactive steps to optimise land use for agricultural activities.

This effort involves tenants and lessees in the fields of cash crops, fruits, aquaculture and livestock.

There are a total of 372 entrepreneurs throughout the state involved, with the total area of crops of about 3,154ha.

Perak SADC also introduced the concept of urban farming for the people to earn some side income in July 2020.

The concept, which was inspired by Perak Mentri Besar Datuk Seri Saarani Mohamad's remark to "grow what we eat and eat what we grow" and to sell the rest, has benefited 189 communities and 81,050 households through community farming, rural farming and edu-farming.



SEMPENA ULANG TAHUN KEPUTERAAN TAHUN 2024

Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan
Sultan Nazrin Muizzuddin Shah
Almarhum Sultan Azlan Muhiyuddin Shah Al-Maghfur-Lah

Agenda keterjaminan makanan terus jadi keutamaan

Usaha memperkuh keterjaminan makanan amat dititikberatkan oleh Sultan Perak, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah yang jelas memperlihatkan keprihatinan baginda terhadap keperluan rakyat di negeri ini.

Keprihatinan baginda dalam isu keterjaminan makanan bukan sahaja mencerminkan kebijaksanaan dalam pentadbiran, malah memperlihatkan visi jauh ke hadapan yang merangkumi kepentingan jangka panjang rakyat.

Semasa menyempurnakan Istiadat Perasmian Mesyuarat Kedua Penggal Pertama Dewan Negeri Perak Darul Ridzuan Ke-14 pada 6 Ogos 2018, baginda bertitah, konsep berterjamin sektor pertanian sebagai sektor yang mencerminkan pemodenan masih belum dicapai.

Sultan Nazrin juga secara konsisten menggesa agar sektor pertanian negeri mengadaptasi teknologi moden dan inovasi terkini kerana baginda melihat jauh ke hadapan serta memahami bahawa pertanian konvensional sahaja tidak mampu memenuhi permintaan makanan yang semakin meningkat. Dalam konteks ini, peranan Perak SADC di bawah pimpinan Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Yahanis Yahya menjadi semakin signifikan dalam memajukan sektor makanan negeri.

Kerajaan negeri melalui Perak SADC telah menerbitkan agenda sekuriti makanan dengan melaksanakan inisiatif berimpak tinggi seperti *Perak Halal Industrial Park* (HIP).

Usaha ini bertujuan untuk memperkuh sektor makanan halal dan memastikan bekalan makanan yang selamat dan berterusan untuk jangka masa panjang.

Keprihatinan Sultan Nazrin terhadap kesejahteraan rakyat mencerminkan kebijaksanaan dalam memastikan sektor ini terus berdaya saing dan berkelangsaan.

Ini jelas dapat dirasai dengan keberangkatan baginda bersama Raja Pemaisuri Perak, TuanKu Zara Salim ke Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agro Pelancongan Malaysia (MAHA) 2024 yang berlangsung di Taman Ekspo Pertanian Malaysia (MAEPS) pada September lalu.

Keberangkatan baginda mencerminkan komitmen Perak di MAHA 2024 untuk melihat pelbagai pameran berteraskan teknologi dan industri makanan, kebudayaan, warisan, produk pelancongan mencerminkan keprihatinan baginda terhadap sekuriti makanan.

Senarai baginda juga diterjemahkan melalui pelbagai program dan inisiatif oleh Perak SADC, termasuk memperkasakan keterjaminan makanan melalui tanggungjawab sosial korporat (CSR), yang menekankan kepentingan sekuriti makanan untuk masyarakat.

Perak SADC sentiasa mengambil langkah proaktif dalam mengoptimalkan penggunaan tanah untuk aktiviti pertanian.

Usaha ini melibatkan penyewa dan pemajak tanah Perak SADC dalam sektor tanaman kontan, buah-buahan, akuakultur dan tanaman. Setakat ini, seramai 372 pengusaha di seluruh negeri Perak telah terlibat dengan keluasan tanaman yang mencecah 3,154.202 hektar.

Tidak terkecuali, Perak SADC turut mewujudkan projek pertanian bandar yang menjadi alternatif kepada masyarakat bagi menghasilkan makanan kendiri yang sedikit

sebabnya dapat menangani masalah krisis makanan yang semakin meruncing ketika ini.

Ini selaras dengan hasrat Menteri Besar Perak, Datuk Seri Saarani Mohamad yang menekankan, 'tanam apa yang kita makan, makan apa yang kita tanam dan selebihnya kita jual.'

Sehingga kini, projek pertanian bandar ini telah memberi manfaat kepada 189 komuniti yang melibatkan 13,050 isi rumah sejak dilaksanakan pada 2020.

Ini meliputi pertanian bandar (*urban farming*), pertanian luar bandar (*rural farming*) dan pendidikan pertanian (*edu-farming*) yang melibatkan komuniti setempat, surau dan masjid serta sekolah di seluruh negeri Perak.

Dalam pada itu, bagi memastikan keterjaminan sekuriti makanan terus diperhebat, Perak SADC juga turut memberikan inisiatif pemberian biasiswa Skim Biasiswa Agrotek SADC-YP kepada

Keprihatinan mendalam Sultan Nazrin terhadap isu keterjaminan makanan bukan sahaja mencerminkan kebijaksanaan dalam mentadbir, malah menonjolkan visi yang menjangkau keperluan semasa rakyat.



lapan buah institusi pengajian tinggi antaranya Universiti Sultan Azlan Shah (USAS),

Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Universiti Teknologi Mara (UiTM) dalam meningkatkan pembangunan modal insan dan melahirkan pakar dalam industri pertanian yang akan memperkasakan agenda sekuriti makanan, khususnya di negeri Perak dan Malaysia.

Visi Sultan Perak yang diterjemahkan melalui pelbagai inisiatif dan program di bawah Perak SADC telah menjadikan Perak sebagai salah satu negeri peneraju dalam inovasi pertanian dan pengeluaran makanan di Malaysia.

Komitmen baginda yang tidak berbelah bahagi dalam isu ini mencerminkan kebijaksanaan seorang pemerintah yang memahami keperluan asas rakyatnya, sekaligus memperkuhkan kesiapsiagaan Perak dalam menghadapi cabaran masa hadapan dengan penuh keyakinan.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
1/11/2024	HARIAN METRO	BISNES	22



SEMPENA ULANG TAHUN KEPUTERAAN TAHUN 2024

Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan
Sultan Nazrin Muizzuddin Shah
Inn
Almarhum Sultan Azlan Mahabbuddin Shah Al-Maghfur-Lah



SADC perkukuhkan usaha keterjaminan makanan

Sultan Nazrin sering utamakan kepentingan perkasa sektor pertanian

Oleh Muhamad Lokman Khairi
bhnews@bh.com.my

Ipoh: Kerajaan negeri menerusi Perbadanan Pembangunan Pertanian Negeri Perak (Perak SADC) menjunjung titah Sultan Perak, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah yang mahu usaha keterjaminan makanan diperkukuhkan.

Dalam tempoh sedekad memerintah negeri, baginda sering menekankan kepentingan memperkukuh sektor pertanian sebagai tunjang utama bagi menjamin bekalan makanan yang berterusan dan mencukupi untuk rakyat.

Keprihatinan mendalam baginda terserlah pada Istiadat Pembukaan Rasmi Tahun Kedua Dewan Negeri Perak Ke-15 pada 23 Februari lalu, Sultan Nazrin menyentuh keterjaminan makanan bukan sahaja untuk memastikan tiada rakyat yang tidur dalam kelaparan, tetapi untuk memastikan setiap keluarga mempunyai akses kepada makanan yang selamat dan berkhasiat.

Dalam konteks ini, peranan Perak SADC di bawah pimpinan Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Yahanis Yahya menjadi semakin signifikan dalam memastikan sektor makanan negeri.

Justeru, mengambil pedoman daripada titah baginda supaya aspek keterjaminan makanan diberi tumpuan sewajarnya, Perak SADC menterjemah agenda sekuriti makanan melalui projek berimpak tinggi antaranya seperti Taman Industri Halal Perak (Perak HIP).

Projek yang dilaksanakan itu bertujuan memperkukuhkan sektor makanan halal dan menjamin keselamatan bekalan makanan untuk jangka masa panjang.

Ia direka untuk menjadi pusat ekosistem halal yang lengkap, merangkumi pelbagai aspek rantai bekalan makanan halal dari hulu ke hiliran.

Ini kerana, keunikan dan potensi Perak HIP dijangka akan menarik minat pelabur tempatan mahupun pelabur antarabangsa



Sultan Nazrin berkenan melihat tanaman tomato sempena majlis perasmian Pusat Pengumpulan, Pemprosesan Dan Pembungkusan Agrotek di Kilometer 19 Jalan Simpang Pulai-Cameron Highlands.



Saarani diiringi Yahanis membuat jualan Rahmah bagi barangan keperluan serta beramah mesra dengan pengunjung yang hadir.



Sultan Nazrin mendengar taklimat ringkas Yahanis mengenai pameran Perak SADC berkaitan Plant Factory di Pameran MAHA 2024, di Taman Ekspo Pertanian Malaysia (MAEPS), baru-baru ini.

untuk menyertai dan melabur dalam projek transformatif ini.

Antara pencapaian penting dalam usaha menarik pelaburan antarabangsa ialah menjalin kerjasama strategik dengan syarikat bertujuan khas (SPV) dari Pakistan, iaitu Leiner Gelatine Sdn Bhd, pengeluar gelatin halal yang terkenal pada peringkat global.

Usaha sama ini adalah langkah penting dalam mempelbagaikan dan meningkatkan kualiti produk halal yang dihasilkan di Perak dan kerjasama antara kedua-dua pihak bukan sahaja akan mewujudkan peluang pekerjaan baharu untuk penduduk

tempatan, malah membuka pasaran antarabangsa untuk produk bernilai tinggi dari Perak.

Manifestasi kebijaksanaan Sultan Nazrin

Keprihatinan Sultan Nazrin terhadap keterjaminan sekuriti makanan adalah manifestasi kebijaksanaan baginda dalam memastikan kelangsungan sektor pertanian di negeri Perak terus diperkasa.

Ini jelas dapat dirasai dengan keberangkatan baginda bersama Raja Permaisuri Perak, Tuanku Zara Salim ke Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agro Pelancongan Malaysia (MAHA)

2024 yang berlangsung di Taman Ekspo Pertanian Malaysia (MAEPS) pada September lalu.

Keberangkatan baginda mencemar duli ke Pavillion Perak di MAHA 2024 untuk melihat pelbagai pameran berteraskan teknologi dan industri makanan, kebudayaan, warisan, produk pelancongan mencerminkan keprihatinan baginda terhadap sekuriti makanan.

Dalam pada itu, saranan baginda diterjemahkan melalui inisiatif oleh Perak SADC dalam memperkasakan keterjaminan makanan melalui tanggungjawab sosial korporatnya (CSR).

Perak SADC sentiasa menga-

mbil langkah proaktif, khususnya dalam mengoptimalkan penggunaan tanah bagi aktiviti pertanian.

Usaha ini membabitkan penyewa dan pemajak Perak SADC dalam bidang tanaman kontan, buah-buahan, akuakultur dan ternakan di mana sehingga kini, terdapat seramai 372 pengusaha di seluruh negeri Perak yang terabit dengan jumlah keluasan tanaman mencecah 3,154.202 hektar.

Tidak terkecuali, Perak SADC turut mewujudkan projek pertanian bandar yang menjadi alternatif kepada masyarakat bagi penghasilan makanan sendiri yang sedikit sebanyak dapat menangani masalah krisis makanan yang semakin meruncing ketika ini.

Ini selaras dengan hasrat Menteri Besar Perak, Datuk Seri Saarani Mohamad yang menekankan, tanam apa yang kita makan, makan apa yang kita tanam dan selebihnya kita jual.

Sehingga kini, projek pertanian bandar ini telah memberi manfaat kepada 189 komuniti membabitkan 18,050 isi rumah sejak dilaksanakan pada 2020. Ini meliputi pertanian bandar (urban farming), pertanian luar bandar (rural farming) dan pendidikan pertanian (edu-farming) membabitkan komuniti setempat, surau dan masjid serta sekolah di seluruh negeri Perak.

Dalam pada itu, bagi memastikan keterjaminan sekuriti makanan terus diperhebat, Perak SADC turut memberikan inisiatif pemberian biasiswa, Skim Biasiswa Agrotek SADC-YP kepada lapan universiti.

Antaranya, Universiti Sultan Azlan Shah (USAS), Universiti Pertanian Malaysia (UPM) dan Universiti Teknologi MARA (UiTM) dalam meningkatkan pembangunan modal insan dan melahirkan pakar dalam industri pertanian yang akan memperkasakan agenda sekuriti makanan, khususnya di negeri Perak dan Malaysia.

Terbuktilah, satu dekad pemerintahan Sultan Nazrin sudah membuahkan transformasi yang signifikan dalam landskap sekuriti makanan di negeri ini.

Visi baginda yang diterjemahkan melalui pelbagai inisiatif dan program di bawah Perak SADC meletakkan Perak sebagai salah satu negeri peneraju dalam inovasi pertanian dan pengeluaran makanan di Malaysia.